

HARI : AHAD
TARIKH : 8/9/2019
M/SURAT : 4

Jual semula barang lupus

Juru: Sebuah premis di Simpang Ampat di sini, di serbu penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, kelmarin kerana dikesan menjual semula peralatan elektrik dan bateri yang sepatutnya dilupuskan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Chin Ching Chung berkata, dalam serbuan jam 11.50 pagi pihaknya merampas 4,000 peralatan elektrik jenama Bosch dan 630-bateri dianggarkan bernilai RM100,000.

Katanya, peralatan rosak itu diperoleh daripada kilang tertentu sebelum dibaiki dan dijual semula kepada pengguna.

"Taktik digunakan adalah dengan menggantikan fius asal pada mesin pencanai dan gerudi berkenaan selain membuang jenamanya, jadi pengusaha ini memperoleh untung lumayan.

"Aktiviti ini dipercayai dimulakan sejak beberapa bulan lalu dan kami melakukan serbuan selepas menerima aduan daripada pemilik cap dagang yang turut serta dalam operasi.

"Tindakan diambil kerana pihak pengusaha menjual semula peralatan elektrik berkenaan tanpa kebenaran pemilik cap dagang," katanya.